



SMK SEKSYEN 4 BANDAR KINRARA

Jalan Kinrara 5A, Bandar Kinrara,
47180 Puchong, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-80757273 / Faks : 80757315

Rujukan kami : SMKS4BK/06/01/06
Tarikh : 14 Januari 2013
2 Rabiul Awal 1434

Kepada,
Semua Ibu bapa/Penjaga yang dihormati.

Tuan/Puan,

MAKLUMAN AKTIVITI BULAN JANIARI HINGGA FEBRUARI 2013

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. PROGRAM SUA IKENAL TINGKATAN 1

Pelbagai aktiviti dirancang bagi membolehkan murid-murid baru menyesuaikan diri dengan suasana baharu di sekolah baharu dengan rakan sebaya yang baharu. Ahli-ahli Pembimbing Rakan Sebaya di bawah Unit Bimbingan dan Kaunseling Sekolah bertanggungjawab menjayakan segala program yang telah diatur secara rapi. Program ini dijalankan pada 3 Januari 2013 (Khamis) dan 4 Januari 2013 (Jumaat).

3. PENDAFTARAN KOKURIKULUM

Pendaftaran kokurikulum bagi murid-murid dijalankan pada 14 Januari 2013 (Isnin) di kelas masing-masing bersama Guru Tingkatan. Murid-murid diwajibkan mendaftar untuk Unit Beruniform, Kelab dan Permainan serta Persatuan.

4. MESYUARAT AGUNG RUMAH SUKAN

Mesyuarat Agung Rumah Sukan akan diadakan pada 18 Januari 2013 (Jumaat). Murid-murid akan melatih diri untuk memilih dan melantik Peneraju rumah sukan masing-masing secara demokrasi.

5. PROGRAM TRANSFORMASI DIRI

Program Transformasi Diri adalah satu Program Khas daripada Unit Bimbingan dan Kaunseling Sekolah untuk menyedarkan para pelajar menenali potensi diri masing-masing. Program ini dijalankan berperingkat-peringkat bagi semua tingkatan seperti dijadualkan.

Program Transformasi Diri	Tarikh
Tingkatan 1	8 dan 9 Januari 2013 (Selasa /Rabu)
Tingkatan 2	15 dan 16 Januari 2013 (Selasa / Rabu)
Tingkatan 3	21 dan 22 Februari 2013 (Khamis / Jumaat)
Tingkatan 4	21 dan 22 Januari 2013 (Isnin / Selasa)
Tingkatan 5	18 hingga 20 Februari 2013 (Isnin / Selasa)

6. CUTI MAULIDUR RASUL

Cuti sempena Maulidur Rasul pada 24 Januari 2013 (Khamis)

7. CUTI THAIPUSAM

Cuti sempena Thaipusam pada 27 dan 28 Januari 2013 (Ahad / Isnin).

8. AKTIVITI BADAN BERUNIFORM

Aktiviti Unit Badan Beruniform akan bermula pada 23 Januari 2013 hingga 3 Julai 2013. Jadual aktiviti telah diedarkan ke kelas masing-masing.

9. AKTIVITI PERSATUAN DAN KELAP PERMAINAN

Aktiviti Persatuan/Kelab Permainan akan bermula pada 30 Januari 2013 hingga 18 September 2013. Jadual aktiviti telah diedarkan ke kelas masing-masing.

10. **LATIHAN ROAD RUN**

Latihan Road Run akan dimulakan pada 4 Februari 2013 (Isnin). Murid-murid akan menjalani latihan mengikut Rumah Sukan masing-masing.

11. **CERAMAH MAULIDUR RASUL PERINGKAT SEKOLAH**

Sambutan Maulidur Rasul peringkat sekolah akan diadakan pada 8 Februari 2013 (Jumaat). Satu surat siaran akan dikeluarkan pada 4 Februari 2013 (Isnin) kepada murid-murid beragama Islam.

12. **CUTI TAHUN BARU CINA**

Sukacita dimaklumkan cuti sempena Tahun Baru Cina selama 9 hari mulai 9 Februari 2013 (Sabtu) hingga 17 Februari 2013 (Ahad). Pihak sekolah ingin mengucapkan "Selamat Menyambut Tahun Baru Cina" kepada semua warga sekolah dan ibu bapa yang menyambut Tahun Baru Cina.

13. **MESYUARAT AGUNG PIBG**

Mesyuarat Agung PIBG bagi sesi 2013/2014 akan diadakan pada 23 Februari 2013 (Sabtu). Satu surat siaran kepada semua ibu bapa murid sekolah ini akan dikeluarkan pada tarikh yang akan ditetapkan oleh jawatankuasa PIBG sekolah.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

.....
Kek Lee Beng
Pengetua,
SMK Seksyen 4 Bandar Kinrara.